

Sumber :	Utusan Malaysia
Tarikh :	20 Januari 2011
Mukasurat :	Bisnes, 20

Bank komersial perlu galakkan FCP - Wahid

KUALA LUMPUR 19 Jan. – Bank-bank komersial perlu bekerjasama erat dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan mengalakkan penyertaan Program Keupayaan Kewangan (FCP) di kalangan para pelanggannya.

Pengerusi Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM), Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, majoriti ahli-ahli ABM memberi sokongan padu bagi FCP dengan menawarkan penggunaan premis mereka untuk melaksanakan program itu.

Beliau yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank berkata, kebanyakan ahli ABM menyatakan hasrat mereka untuk menganjurkan FCP dengan pelanggan masing-masing bagi memahami kehendak pelanggannya.

“Bank-bank komersial akan meneroka potensi bakat-bakat mereka untuk dilatih oleh FCP bagi menjadi pelatih FCP,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, FCP menasarkankan golongan muda dan prospektif peminjam untuk mengamalkan pinjaman secara bertanggungjawab.

Beliau berkata, ABM yakin dengan pengenalan FCP akan menjadikan industri kewangan Malaysia lebih baik pada masa depan.

Abdul Wahid berkata, ABM telah melengkapkan tinjauan kali pertama bagi tinjauan lokasi yang dikenal pasti oleh BNM dan AKPK.

“Ahli-ahli ABM berpendapat kakitangan juga boleh dan patut mendapat faedah daripada FCP untuk meningkatkan pengurusan dan pengetahuan kewangan peribadi mereka,” tambah beliau.